

Bahasa Tombonuo Dan Mangkaak: Dalam Keluarga Bahasa Yang Sama *Tombonuo And Mangkaak Languages: In The Same Language Family*

Minah Sintian
minahsintian@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Received: 11 July 2023; Published: 1 December 2023

Sintian, M. (2023). *Bahasa Tombonuo Dan Mangkaak: Dalam Keluarga Bahasa Yang Sama*.
Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 11(2), 1 - 13. Retrieved from
<https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/177>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penelitian dialek suku-suku atau subetnik dalam etnik Kadazandusun. Setiap suku atau subetnik dalam rumpun bahasa yang sama tidak terkecuali mengalami variasi bahasa yang muncul dalam perkataan, sebutan, tatabahasa, makna perkataan dan sebagainya. Variasi bahasa berlaku atas faktor geografi, sejarah suatu bahasa dan situasi sosial penutur. Kepelbagaian variasi bahasa dalam rangkaian dialek etnik Kadazandusun menyebabkan timbulnya isu ketidaksalingfahaman bahasa antara satu dengan yang lain. Situasi ini memberi kesan dalam komunikasi lisan antara. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kata kognat bahasa Tombonuo dan Mangkaak serta mengenal pasti tingkat klasifikasi kedua-dua bahasa tersebut sama ada terletak dalam keluarga bahasa yang sama atau bukan. Data kajian diperoleh melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur terhadap empat orang informan. Sejumlah 207 daftar senarai kata Swadesh telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Data dianalisis dengan bersandarkan teori leksikostatistik. Hasil kajian mendapati peratus persamaan kata kognat antara Tombonuo dengan Mangkaak ialah 59.11%. Perkataan yang banyak berkognat diwakili oleh leksikal yang merujuk anggota badan, per nomboran dan kata ganti nama berbanding leksikal yang merujuk alam. Tingkat klasifikasi bahasa diinterpretasikan sebagai bahasa berbeza tetapi masih dalam tingkat subkeluarga bahasa yang sama. Dapatan kajian memberi implikasi kepada pengukuhan bukti adanya hubungan kekerabatan bahasa antara keluarga Dusun dan Paitan. Kajian ini juga memberi impak kepada pengayaan dan pemantapan perbendaharaan kata serta istilah dalam subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Bahasa; dialek; Kadazandusun; teori leksikostatistik; klasifikasi bahasa

ABSTRACT

This study is part of the dialect research of tribes or sub-ethnic groups in the Kadazandusun ethnic group. Every tribe or sub-ethnicity in the same language group, without exception, experiences language variations that appear in words, pronunciation, grammar, the words meaning, and others. Language variation occurs due to geographical factors, the history of a language, and the social situation of the speaker. The variety of language variations in the Kadazandusun ethnic dialect continuum causes the issue of language misunderstanding between the speakers. This situation has an impact on verbal communication. The objective of this study is to compare the cognate words of Tombonuo and Mangkaak and identify the classification level of the two languages whether are located in the same language family or not. Research data were obtained through field research using the unstructured interview method. A total of 207 Swadesh word lists were used as research instruments to obtain data. Data were analyzed based on lexicostatistical theory. The results of the study found that the percentage of cognate similarity between Tombonuo and Mangkaak is 59.11%.

Words with many cognates are represented by lexical items that refer to body parts, numbering, and pronouns compared to lexical items that refer to nature. The language classification level is interpreted as different languages but still in the same language subfamily level. This study provides implications for strengthening evidence of language kinship relations between Dusun and Paitan families. This study also has an impact on the enrichment and consolidation of the vocabulary and terms in the subject of Kadazandusun Language in schools and institutions of higher learning.

Keywords: Language; dialect; Kadazandusun; lexicostatistics theory; language classification

PENGENALAN

Terdapat segelintir pengkaji bahasa peribumi di Sabah agak keliru dalam mengklasifikasikan tingkat bahasa yang diwakili oleh etnik, subetnik atau suku yang berasal daripada rumpun bahasa yang sama kerana kajian terdahulu masih kurang dan tidak menyeluruh. Etnik Kadazandusun sebagai penduduk terbanyak di negeri Sabah yang menjangkau 568 575 orang pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011) sendiri merangkumi tiga keluarga bahasa, iaitu Dusun, Murut dan Paitan. Keluarga-keluarga bahasa tersebut mempunyai banyak persamaan dari segi bahasa, budaya, kepercayaan, tradisi dan pengalaman sejarah kerana mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri generik. Bersandarkan kepada persamaan tersebut, Kadazandusun Cultural Association (KDCA) dalam Artikel 6 Perlembagaan dan Peraturan KDCA memuatkan 40 subetnik sebagai tafsiran etnik Kadazandusun termasuklah Murut, Paitan dan Rungus (KDCA, 2005). Dalam keluarga bahasa Dusun, Paitan dan Murut, terdapat sub-subetnik dan suku-suku yang memilik dialek tersendiri serta mengidentifikasi diri mereka bersempena dengan nama alam sekitar (Dayu Sansalu, 2008; Jacqueline Pugh Kitingan, 2016).

Dalam konteks keluarga bahasa, Minah Sintian (2017), telah mengelompokkan rumpun bahasa Kadazandusun kepada tiga keluarga bahasa, iaitu Dusunik, Paitanik dan Murutik sahaja. Suku Mangkaak dikelompok dalam Dusunik sementara suku Tombonuo dimasukkan dalam Paitanik. Penelitian Minah Sintian (2017), mendapati dialek suku Mangkaak dan dialek suku Bunduliwan (Bundu dan Liwan) terletak pada tingkat bahasa yang sama kerana peratus kognat mencapai 78.54%. Hal ini bermaksud suku Mangkaak dan Bunduliwan bersumber dari satu bahasa yang sama namun mempunyai perbezaan dari segi dialek. Tingkat klasifikasi bahasa tersebut diubah suai daripada Smith (1984), Keraf (1984) dan Asmah Omar (2008) yang dipetik dalam Minah Sintian (2017). Menurut Keraf (1984), peratusan kognat antara 81-36% dapat diklasifikasikan sebagai tingkat keluarga. Bersandarkan pendapat Keraf (1984), dialek Mangkaak dapat diinterpretasikan sebagai bahasa yang berlainan dengan bahasa Bunduliwan namun masih dalam keluarga bahasa yang sama.

Penggunaan istilah bahasa dan dialek agak mengelirukan bagi sesetengah pengkaji yang bukan dalam bidang linguistik dan sosiolinguistik. Dalam bidang sosiolinguistik, istilah bahasa dan dialek itu kelihatan berhubungan antara satu sama lain, iaitu dialek dipertalikan dengan bahasa. Sebenarnya bahasa itu lahir daripada sekumpulan dialek yang mempunyai saling faham antara satu sama lain (Chambers & Trudgill, 1990). Menurut Noriah Mahamed (2003), konsep dialek dan bahasa itu berakar daripada idiolek atau *parole* seseorang, iaitu bentuk bahasa yang dihasilkan dan cara penggunaan bahasa individu yang tersendiri. Individu-individu yang menuturkan idiolek yang sama atau hampir serupa dikategorikan sebagai kelompok penutur dialek yang sama. Sementara itu, kelompok penutur dialek yang sama akan membentuk sekelompok penutur yang menuturkan satu bahasa yang sama. Para sarjana sosiologi bahasa merujuk istilah 'dialek' sebagai salah satu ragam atau variasi bahasa (Ferguson & Gumper, 1960; Fishman, 1991; Asmah Omar, 1991; Nik Safiah Karim, 1992) yang dipetik dalam Minah Sintian (2017). Menurut Nik Safiah Karim (1992), antara faktor sesuatu bahasa itu mempunyai pelbagai variasi adalah berdasarkan kepada sejarah perkembangan bahasa, jumlah penduduk dan keluasan daerah penyebarannya. Bagi Noriah Mohamed (2003), ukuran asas untuk mengelompokkan dialek-dialek ke dalam satu bahasa adalah kerana adanya unsur saling faham (*mutual intelligibility*). Sekiranya penutur variasi bahasa yang berbeza-beza itu masih boleh berkomunikasi antara satu dengan lain, maka variasi-variasi bahasa yang mereka tuturkan itu boleh digolongkan ke dalam satu bahasa yang sama.

Asmah Omar (1991), mengakui bahawa setiap bahasa itu mempunyai variasi atau perbezaan kecil yang dapat dikesan sama ada melalui bunyi, tatabahasa, sebutan, penggunaan perkataan tertentu,

makna dan sebagainya. Pandangan Asmah Omar (1991), diakui oleh Metzger (2020), yang mendapati masih terdapat persamaan ciri-ciri beberapa bahasa di Asia dari segi perbendaharaan kata, nahu dan gaya. Misalnya, perkataan basikal disebut sebagai *zi jin chi* di tanah besar China sementara di Malaysia dan Singapura disebut *jiao chi*. Perbezaan sebutan yang minimal itu berlaku kerana jarak antara China dengan Malaysia dan Singapura yang jauh sehinggakan berlakunya kewujudan sebutan dan perkataan baharu (Trudgill, 2014).

Dalam konteks Malaysia, terdapat variasi tatabahasa antara dialek Melayu dengan bahasa Melayu baku itu sendiri. Misalnya, kedudukan kata kerja bantu (KKB) *doh* dalam dialek Melayu Kelantan (DMK) atau singkatan “dah” yang bermaksud “sudah” dalam bahasa Melayu baku agak berbeza sekaligus mengundang pertentangan dari sudut kegramatisan ayat. Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Sarah Nur Najwa Mohd Nasir (2020), mendapati KKB *doh* dalam DMK boleh hadir pada kedudukan tengah dan akhir ayat serta dianggap gramatis sementara kedudukan “dah” atau “sudah” di akhir ayat dalam BMS dianggap sebagai ayat yang tidak gramatis. Contoh ayat adalah seperti berikut:

Dio gi *doh* keda. (DMK)

Dio g keda *doh*. (DMK)

Dia pergi kedai *sudah*. (BMB)

Variasi tatabahasa ini tidak memberi masalah pemahaman kepada kebanyakan orang Melayu namun akan memberi masalah kepada segelintir kaum lain yang kurang memahami kosa kata dan tatabahasa DMK dan BMB.

Kajian kekerabatan bahasa antara bahasa-bahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia juga dilakukan oleh sarjana tempatan. Nur Faaizah Md. Adam dan Noor Saadah Salleh (2021), mendapati bahawa bahasa Kensiu yang diperoleh dari Baling, Kedah dan bahasa Kentaq dari Pengkalan Hulu Perak mempunyai 142 daripada 207 (72.08%) kosa kata yang berkognat. Hal ini bermaksud, kedua-dua bahasa Orang Asli tersebut dapat dikelompokkan dalam keluarga bahasa yang sama. Kajian kekerabatan bahasa antara bahasa Orang Asli dengan bahasa Melayu juga telah dijalankan oleh Mohamad Rozi Kasim (2021) dan Norajihah Muda dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2021). Kajian Mohamad Rozi Kasim (2021), mendapati bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba mencapai peratusan kosa kata berkognat sebanyak 80.77% dan diklasifikasikan dalam tingkat keluarga bahasa yang sama. Kajian leksikostatistik yang dilakukan oleh Norajihah Muda dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2021), juga menunjukkan bahawa bahasa Che Wong dengan bahasa Melayu mempunyai kekerabatan yang tinggi dengan jumlah persamaan kognat sebanyak 76%. Kedua-dua bahasa tersebut diklasifikasikan sebagai keluarga bahasa berdasarkan penganalisan data. Walau bagaimanapun Norajihah Muda dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2021), masih mengakui bahawa masih terdapat kosa kata yang sangat berbeza meskipun maknanya masih sama.

Teori Leksikostatistik

Teori leksikostatistik mengemukakan empat andaian untuk menjelaskan kata kognat, perubahan bunyi, kekerabatan dan pengelompokan bahasa-bahasa kerabat itu. Andaian pertama, harus menggunakan jenis kosa kata yang disebut kosa kata dasar sebagai asas menghitung. Menurut Keraf (1984), kosa kata dasar yang digunakan itu merupakan kata-kata yang sangat rapat dalam kehidupan bahasa, dan merupakan elemen-elemen yang menentukan mati hidupnya suatu bahasa. Kosa kata itu dapat diperoleh dalam kehidupan seperti ganti nama diri, bilangan, anggota badan, alam sekitar, alat kelengkapan seharian, dan sebagainya.

Andaian kedua, kosa kata dasar itu harus mempunyai retensi atau ketahanan yang konsisten sepanjang masa. Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2011), menjelaskan bahawa kosa kata dasar agak sukar berubah berbanding dengan kosa kata budaya. Kosa kata asas juga bersifat global, iaitu terdapat dalam semua bahasa di dunia dan memiliki sifat awet atau tidak berubah setiap seribu tahun. Dalam konteks ini, Asmah Omar (2008), mengakui bahawa senarai kata Swadesh yang diperkenalkan oleh Morris Swadesh merupakan perbendaharaan kata asas atau perbendaharaan kata bukan budaya yang terdapat dalam semua bahasa dalam semua peradaban.

Andaian ketiga, variasi bahasa yang dibandingkan itu harus mempunyai kesepadanan bunyi. Segmen-segmen yang mempunyai kesamaan fonetik atau kesepadanan fonologi akan dikenali sebagai kognat. Kata kognat tersebut akan dihitung sebagai pengekalan daripada sumber bahasa yang sama manakala item yang tidak menunjukkan kesepadanan bunyi atau kesamaan fonetik yang konsisten dianggap sebagai mempunyai perbezaan kerana kehilangan turunan item purba dalam bahasa yang dibandingkan (Bynon, 1994).

Andaian keempat, leksikostatistik menggunakan hitungan peratus berkognat untuk menentukan jarak hubungan antara bahasa. Andaian keempat ini bertitik tolak daripada andaian bahawa kosa kata asas tersebut haruslah mempunyai ketahanan yang konsisten sepanjang masa dan perubahan kosa kata asas pada semua bahasa adalah sama (Keraf, 1984). Justeru, teori leksikostatistik dapat menjelaskan peratusan persamaan dan perbezaan kata yang berkognat dan menentukan jarak perkaitan antara bahasa yang dibandingkan itu sebagai mana diakui oleh Asmah Omar (2008).

PERNYATAAN MASALAH

Variasi sebutan, kosa kata, makna dan tatabahasa dalam rumpun bahasa Kadazandusun terbentuk kesan daripada keadaan topografi, jarak lokasi penutur dan faktor sosial. Keadaan topografi negeri Sabah yang luas dengan didominasi oleh banjaran bukit yang tinggi, bersungai besar, dan berhutan tebal telah mempengaruhi bahasa atau dialek yang dituturkan oleh keluarga bahasa Paitan dan Dusun yang tersebar di merata-rata tempat dalam negeri Sabah sehinggakan berlakunya isu ketidaksalingfahaman bahasa. Fenomen ini diakui oleh Trudgill (2014), yang mendakwa bahawa faktor geografi dapat mewujudkan sebutan dan perkataan yang baharu. Fenomena tersebut terjadi apabila sesebuah kawasan asal itu berpecah melalui penghijrahan penduduk pada suatu jangka masa yang lama khususnya di kawasan pergunungan atau keadaan jarak yang berjauhan. Selain faktor geografi, Collin (1986), meyakini bahawa variasi sesuatu dialek itu juga boleh dipengaruhi oleh suasana sosial tertentu misalnya kesan daripada pemisahan persempadanan politik, migrasi dan sebagainya.

Penutur bahasa Tombonuo dalam keluarga Paitan kebanyakannya mendiami kawasan Pitas, Labuk-Sugut dan Kota Marudu (Lewis, 2009). Penutur bahasa Mangkaak dalam subkeluarga Dusun pula lebih ramai menempati kawasan daerah Tongod (Minah, 2017). Kajian Minah Sintian *et al.* (2019), mengakui bahawa bukit tinggi yang memisahkan dua kumpulan penutur dialek berdekatan dengan kawasan Gunung Kinabalu mempunyai perbezaan kosa kata untuk nama tumbuhan yang dapat menyuburkan tanah seperti *yoyogi* dalam dialek Dusun Tindal di Kg. Kiau Nuluh, Kota Belud. Istilah *yoyogi* pula tidak ada dalam dialek Bundu di Kg. Bundu Tuhan, Ranau kerana kemungkinan tumbuhan itu tidak tumbuh di kampung tersebut atau kemungkinan ada tetapi menggunakan sebutan perkataan yang berbeza. Hal ini secara tidak langsung memberi impak terhadap kosa kata bahasa Kadazandusun di sekolah. Norjietta Taisin dan Tracy Valerian (2020), mengakui bahawa dialek Bunduliwan (Bundu dan Liwan) yang digunakan sebagai bahasa piawai dalam subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah menghadapi isu kekurangan kosa kata. Justeru, kajian-kajian leksikal dalam rumpun bahasa etnik Kadazandusun sangat membantu dalam pengayaan kosa kata subjek Bahasa Kadazandusun.

Kajian Minah Sintian dan Mohd. Sarifudin Yusop (2016), mendapati bahawa dialek-dialek dalam etnik Kadazandusun mempunyai variasi sebutan apabila berlakunya perubahan bunyi fonem konsonan. Misalnya perubahan fonem /l/ kepada /h/, /r/ kepada /l/, /l/ kepada /d/, /h/ kepada /s/, /w/ kepada /v/, /y/ kepada /z/ dan /ʔ/ kepada /k/. Contohnya, perkataan “asap” adalah *hisun* dalam dialek Tangara berubah bunyi menjadi *lidsun* dalam dialek Mangkaak. Perubahan dan pengguguran fonem yang berlaku di awal, tengah dan akhir kata akan mempengaruhi sebutan perkataan. Perbezaan bunyi fonem ini mungkin masih boleh difahami oleh segelintir penutur dialek yang berbeza namun terdapat juga perkataan yang tidak berkognat meskipun membawa makna yang sama (Minah Sintian & Mohd. Sarifudin Yusop, 2016). Misalnya, perkataan “kotor” adalah *asakau* dalam dialek Rungus tetapi dalam dialek Mangkaak disebut *saim*. Variasi sebutan dan kosa kata ini memberi impak terhadap kekerabatan bahasa dalam rumpun bahasa yang sama dan sekaligus dapat mempengaruhi tingkat klasifikasi bahasa. Keadaan ini juga memberi kesan terhadap darjah saling faham antara penutur dialek.

Berdasarkan permasalahan di atas, maka makalah ini akan memfokuskan penelitian khusus berhubung bahasa atau dialek Mangkaak dan Tombonuo yang telah Minah Sintian (2017), kelompokkan ke dalam dua kategori keluarga bahasa berbeza, iaitu Dusunik dan Paitanik. Oleh hal yang demikian, makalah ini bertujuan untuk membandingkan kata kognat bahasa Tombonuo dan Mangkaak serta mengenal pasti tingkat klasifikasi kedua-dua bahasa tersebut sama ada terletak dalam keluarga bahasa yang sama atau bukan dengan bersandarkan teori leksikostatistik. Persoalannya, adakah kedua-dua bahasa tersebut dalam tingkat dialek, bahasa, subkeluarga atau keluarga?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif menurut perspektif kualitatif. Kajian kepustakaan dan lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara tepat dan mendalam berkaitan dengan leksikal dialek Tombonuo dan Mangkaak. Kajian kepustakaan dipilih untuk membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap teks yang mengandungi maklumat, data dan idea. Leksikal kedua-dua dialek diperoleh melalui kajian lapangan, iaitu dialek Tombonuo dikutip di pekan Pitas dalam daerah Pitas sementara dialek Mangkaak diambil di Kg. Sogo Sogo, Tongod. Jarak antara kedua-dua lokasi mengikut jalan raya adalah 248 km menggunakan jalan Ranau-Sandakan (*Distance Calculator and Driving Directions*, 2023). Peta 1 menunjukkan lokasi kajian dialek Tombonuo dan Mangkaak.



Peta 1: Lokasi Kajian Dialek Tombonuo dan Dialek Mangkaak
(Sumber: Diubah suai daripada Lobel, 2013)

Sebanyak 207 daftar senarai kata Swadesh (Van der Veen, 2010), terjemahan bahasa Melayu telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Senarai kata Swadesh dianggap relevan dan sesuai sebagai asas perbandingan leksikal kerana mempunyai makna yang sejagat. Empat orang sampel kajian yang diperoleh menggunakan persampelan bola salju telah digunakan memandangkan pengkaji tidak memperoleh senarai nama informan dalam populasi yang boleh bertutur dialek yang dikehendaki. Penutur dialek Mangkaak terdiri daripada pasangan suami isteri dalam lingkungan usia 62 hingga 73 tahun. Informan lelaki bekerja sebagai ketua kampung sementara informan perempuan merupakan suri rumah. Informan dialek Tombonuo pula kedua-duanya wanita

yang berusia antara 32 hingga 60 tahun. Informan berusia 32 tahun merupakan seorang wartawan sementara informan berusia 60 tahun adalah petani.

Kaedah temu bual berstruktur telah dijalankan terhadap empat orang informan. Semasa temu bual dijalankan, informan diminta menamai perkataan mengikut dialek mereka. Perbualan dikendalikan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penulis mencelah apabila informan menamakan beberapa perkataan menggunakan bahasa Melayu yang sama seperti dalam senarai kata. Pengkaji memberi kata kunci perkataan tersebut dalam dialek Bunduliwan untuk tujuan membantu responden mengingati perkataan dalam dialek mereka. Tujuan pengkaji menggunakan dialek Bunduliwan adalah kerana dialek tersebut tersebar luas di kebanyakan daerah dan kebanyakan subetnik atau suku masih memahaminya. Hal yang sama juga dilakukan apabila informan tidak mengingati perkataan yang tepat dalam dialek mereka. Bantuan isyarat badan dan mimik muka juga digunakan untuk mendapatkan ketepatan maksud perkataan. Temu bual dirakam menggunakan telefon pintar "Samsung" yang kemudiannya ditulis dalam teks verbatim dan dianalisis untuk tujuan mengenal pasti membandingkan kata kognat bahasa Tombonuo dan Mangkaak serta mengenal pasti tingkat klasifikasi kedua-dua bahasa tersebut.

Bertitik tolak daripada teori leksikostatistik, perbandingan leksikal telah dilakukan dengan menggunakan teknik yang disarankan oleh Keraf (1984), iaitu pertama meneliti bunyi-bunyi dalam posisi relatif sama. Kedua, kata pinjaman dari bahasa kerabat dan bukan kerabat tidak dihitung. Ketiga, morfem terikat akan dipisahkan terlebih dahulu daripada kata dasarnya, misalnya kata "memberi" dicatat sebagai: beri (mem-). Namun Keraf (1984), memberi kelonggaran kepada pengkaji yang tidak tahu atau tidak bertanya kepada informan tentang struktur bahasa itu. Pengkaji juga tidak akan menghitung kata majmuk yang digunakan oleh mana-mana dialek. Ini bersesuaian dengan teknik pengelompokan leksikostatistik yang dijalankan oleh Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2011). Perkataan berkognat akan ditandai simbol (+) dan (-) bagi yang tidak berkognat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data leksikal yang telah dikutip di lapangan dimasukkan ke dalam jadual bagi memudahkan proses perbandingan kata kognat kedua-dua dialek. Jadual 1 menunjukkan perbandingan pasangan bahasa atau dialek Tombonuo dan Mangkaak.

Jadual 1: Perbandingan Pasangan Perkataan Bahasa/Dialek Tombonuo dan Mangkaak

No.	Bahasa Melayu	Tombonuo	Mangkaak	Taraf Kognat
1	saya, aku, daku	aku	oku	+
2	engkau, kau, awak	ikau, ko	ikau	+
3	dia, ia	iyo'	isido	+
4	kita	toko'	tokou	+
5	kamu, saudara-saudara	kou, kosulodan (<i>ko-an</i>)	ikoi, sulod	+
6	mereka	nosiro	yolo	-
7	ini	itu'	iti	+
8	itu	ono'	ilo	+
9	sini	tu'oi	siti	-
10	sana, situ	di'i'	sooi	-
11	siapa	isoi	isai	+
12	apa	onu'	nunu	+
13	di mana	sombo'	sombo	+
14	apabila, bila	ombia	songia	+
15	bagaimana	kurogama'	mongkuro	+
16	bukan, tidak	okon, dia'i	au	-
17	semua	kiawi'	kasangkat	-
18	banyak	osuang	ogumu	-

19	beberapa	komburo	komuro	+
20	sedikit	osabat	okuyat	+
21	lain	sondiang	sondiang	+
22	satu	ido'	siiso/iso	+
23	dua	duo	duvo	+
24	tiga	tolu	todlu	+
25	empat	opat	apat	+
26	lima	limo	limo	+
27	besar	aayo	agazo	+
28	panjang	olanggau	aganggau	+
29	lebar	ola'ab	baava	-
30	tebal	okapal	akapal	+
31	berat	owogat	avagat	+
32	kecil	otoyok	opoyok	+
33	pendek	oipak	onibak	+
34	sempit	osampit	okikip	-
35	nipis	onipis	onipis	+
36	perempuan	wianoi	tongondu	-
37	lelaki	kusoi	kusai	+
38	orang	lobu	tunsopio/tulun posio	-
39	anak	anak	tanak	+
40	isteri	sawo, pinungan	savo	+
41	suami	sawo	savo	+
42	ibu, ibunda, induk	ama', ino'	ino'	+
43	bapa, ayah	amo'	yamo	+
44	binatang, haiwan	pongayam (<i>peliharaan</i>), sotua' (<i>liar</i>)	dupot	-
45	ikan	pia'iat	randag / sada	-
46	burung	pumpulu'	tombolog	-
47	anjing	asuh	tasu	+
48	kutu	buas	kutu	-
49	ular	lopung	ulanut	-
50	cacing	lingguang	tingorook	-
51	pokok	pu'un	puun	+
52	hutan	gouton	talun	-
53	batang	watang	kazu	-
54	buah	buah	tuva'	+
55	biji, benih	linsou	linsou	+
56	daun	raun	saap	-
57	akar	wakat	gamut	-
58	kulit (<i>bark</i>)	kulit	bongkulit	+
59	bunga	usak	vusak	+
60	rumput	rikut	govoton / sakot	-
61	tali	tali	tavid	-
62	kulit (<i>skin</i>)	kulit	kungkung	-
63	daging	onsi	tonsi	+
64	darah	raa'	raa'	+
65	tulang	tulang	tulang	+
66	lemak	lomok	lunok	+
67	telur	ontolu	tontolu	+
68	tanduk	tanduk	sangau	-
69	ekor	iku'	tikou	+
70	pelepah	taapi'	hulu	-

71	rambut	obuk	tobuk	+
72	kepala	ulu	tudlu	+
73	telinga	tolingo	tolingo	+
74	mata	mato	mato	+
75	hidung	odung	todung	+
76	mulut	kobang	kabang	+
77	gigi	nipon	nipon	+
78	lidah	dila'	didla	+
79	kuku	pasu'	sondulu	-
80	kaki (<i>foot</i>)	tungkakis	lapap	-
81	kaki (<i>leg</i>)	akod	bangkor / takod	+
82	lutut	alob	totud	-
83	tangan	longon	dongon	+
84	sayap	kawo	kavo	+
85	perut	tian	tizan	+
86	usus	tinia'i	tinai	+
87	leher	liou	diou	+
88	belakang (<i>back</i>)	likud	likud	+
89	dada, titik (<i>breast</i>)	titi'	kangkab / susu	-
90	jantung	undu-undu	tundu-undu	+
91	hati	atoi	tongkovizau	-
92	minum	inum	ngiup	-
93	makan	okan	makan	+
94	gigit	kokot	ngiit	-
95	hisap	sosop	mongizob (<i>mong-</i>)	+
96	ludah	dura'	dual'	+
97	muntah	lua'	mongilob (<i>mong-</i>)	-
98	tiup	timpu'u'	tompiu	+
99	bernafas	muinawo'	momuibo'	-
100	ketawa	muayak	koirak	+
101	lihat, tengok	siou	mongintong	-
102	dengar	rongou	mokinongou (<i>moki-</i>)	+
103	tahu	ialo	koildo	+
104	fikir	momurimon (<i>mo-</i>)	soromo	+
105	hidu, cium	singud	moningud (<i>mo-</i>)	+
106	takut akan	luma'a'	rumosi	-
107	tidur	moturu	modop	-
108	hidup	miau	ovizou	+
109	mati, meninggal, mangkat	minatoi (<i>-in-</i>)	patai	+
110	bunuh	patoi	tinobok	-
111	lawan	lumawan (<i>-um-</i>)	miodtu	-
112	buruh	uripon	magasu	-
113	pukul	lubak	loposo	-
114	potong	totok	putulo	-
115	belah, bahagi	pitas, podi'	lapako	-
116	tikam	tobok	tinokon	+
117	garu	kukut	kukut	+
118	gali, korek	ukad	mongungkud (<i>mong-</i>)	+
119	berenang	tumoyog	tumozog	+
120	terbang	tulud	tumulud	+
121	jalan (<i>walk</i>)	mumpanou (<i>mum-</i>)	mampanau (<i>mam-</i>)	+
122	datang	loga'	ruminikot (<i>-umin-</i>)	-

123	baring	gili	modop-odop	-
124	duduk	mogom	mogom	+
125	berdiri	mundi'i'	ingkakat	-
126	belok	kilong	timiku / tamiku	-
127	jatuh	ratu'	naratu	+
128	beri, bagi	ta'ak	manaak	+
129	pegang	kuyut	kuutai	+
130	perah	poga'	kokos	-
131	gosok	kisas	mamarus (<i>ma-</i>)	-
132	cuci	ugas	momupu (<i>mo-</i>)	-
133	lap	pi'id	piid	+
134	tarik	gagaro'	kodongo	-
135	tolak	singgir	liadai	-
136	lempar, buang	pilai, niada'	taamai	-
137	ikat	kogos	ongkoso	+
138	jahit	wilit	tombiro	-
139	kira, hitung	kiro, iyap	hizabo	-
140	kata, cakap	tangar	tangar	+
141	nyanyi	lagu	manlagu	+
142	main	mulilang	main	-
143	mengapung-apung	mantung-lantung	mapung-kapung	+
144	mengalir	lumuyu (<i>-um-</i>)	lumuzung (<i>-um-</i>)	+
145	beku	kotou, kinumotou	kodou, kuminodou	+
146	bengkak, berkembang	owaa'	lumonit	-
147	matahari	mato runat	tadau	(k.majmuk)
148	bulan	ulan	tulun	+
149	bintang	rombituon	korimbutuon	+
150	air	sungoi	vaig	-
151	hujan	uran	darun	+
152	sungai	bowang	tuhunon /onsuon	-
153	tasik, danau	botung	lokos	-
154	laut	ra'at	laut	+
155	garam	asin	tasin	+
156	batu	watu	vatu	+
157	pasir	ogis	pantai	-
158	debu, habuk	unriasong	lisovu	-
159	tanah	tanah	tana	+
160	awan	kawut	tavan	-
161	kabus	ambun	kavut	-
162	langit	langit	tavan	-
163	angin	uwos	sarup	-
164	salji	ais	ais (<i>pinjaman</i>)	+
165	air batu, air beku, ais	ais	ais (<i>pinjaman</i>)	+
166	asap	lisun	lidsun	+
167	api	apui	tapui	+
168	abu	au'	tavu	+
169	bakar	susul	sorob	-
170	jalan (<i>road</i>)	alun-alun	talun-alun	+
171	gunung	bulud ayo'	kotud	(k. majmuk)
172	merah	omiang	aragang	+
173	hijau	ogadung (<i>o-</i>)	tomou	-
174	kuning	olumit	osilou	-

175	putih	oputi (o-)	opurak	+
176	hitam	itom	oitom	+
177	malam	awi	otuvong	-
178	siang	runat	munavau	-
179	tahun	taun	toun	+
180	panas	aamut (a-)	aladsu (a-)	-
181	sejuk	osogit, otamis	osogit	+
182	penuh	ponu'	ponu	+
183	baru	wagu	kavagu	+
184	lama	lia'iad	alaid	+
185	baik	owarong (o-)	andai	-
186	buruk	ora'ai	araat	+
187	busuk	owutong	vutong	+
188	kotor	oromit	saim	-
189	lurus	otulid	alais	-
190	bulat	olimpugu'	bulugu	+
191	tajam	tarom	atarom	+
192	tumpul	ongangol	nodumpong	-
193	licin	olimus	lamou	-
194	basah	yopos	oyopos (o-)	+
195	kering	otuu	notuu	+
196	betul	bana'	obontol	-
197	dekat	orani	osomok	-
198	jauh	orau'	osodu (o-)	-
199	kanan	wanan	wanan	+
200	kiri	gibang	gibang	+
201	di	so	siido	-
202	dalam	olalom	saralom	+
203	dengan	om	miuntad	-
204	dan	om	om	+
205	kalau, jikalau	ong	nong	+
206	kerana, sebab	dama', da', su'	sabap	-
207	nama	ngaran	ngaran	+

Dapatan dalam jadual 1 dapat dirumuskan seperti berikut:

Jumlah perkataan yang ditolak (tolak kata pinjaman)	=	2
Jumlah perkataan yang ditolak (tolak kata majmuk)	=	2
Jumlah perkataan yang dibandingkan (207-4)	=	203
Jumlah perkataan yang berkognat (203 - 83)	=	120
Peratus perkataan berkognat dialek Tombonuo – Mangkaak (120/203)	=	59.11%

Bersandarkan teori leksikostatistik, kata pinjaman “ais” dan kata majmuk *mato runat* tidak diambil kira dalam penghitungan kata kerabat. Morfem terikat yang berimbunan apitan, sisipan, awalan dan akhiran seperti *-in-*, *-um-*, *o-*, *mong-*, *a-*, *ko-an*, *moki-*, *mo-*, *ma-*, *mum-*, *mam-*, *-umin-* dan sebagainya juga telah dipisahkan terlebih dahulu daripada kata dasarnya sebelum pasangan kata Tombonuo dengan Mangkaak itu dibandingkan. Pasangan perkataan yang serupa, mempunyai kesepadanan dan kemiripan bunyi ialah 120 perkataan. Contoh perkataan yang mempunyai kesepadanan bunyi ialah leksikal yang merujuk kepada anggota tubuh badan seperti “ekor”, “rambut”, “kepala”, “mata”, “hidung”, “mulut”, “gigi” dan banyak lagi, leksikal yang merujuk kepada kata ganti nama seperti “aku”, “engkau” dan “kita” dan leksikal penomboran seperti “satu”, “dua”, “tiga”, “empat” dan “lima”. Perkataan yang tidak berkognat banyak didominasi oleh leksikal alam seperti “awan”, “kabus”, “langit”, “angin”, “pasir”, “sungai” dan “tasik”.

Peratus perkataan berkognat antara Tombonuo dengan Mangkaak ialah sebanyak 59.11%. Peratus persamaan kata kognat dalam jadual 1 menggambarkan tahap kesalingfahaman kedua-dua bahasa atau dialek tersebut agak rendah. Berdasarkan kajian Minah Sintian (2017), peratus persamaan kata kognat antara dialek Mangkaak dengan Bunduliwan ialah 78.54%. Hal ini menunjukkan bahawa kadar kesalingfahaman antara bahasa Mangkaak dengan Bunduliwan adalah lebih sederhana berbanding Tombonuo dengan Mangkaak.

Teori leksikostatistik memberi garis panduan yang jelas dalam membandingkan bahasa kerabat. Penelitian kedua-dua bahasa itu bertitik tolak daripada perbandingan kesepadanan dan kemiripan bunyi dalam leksikal yang dilakukan secara sistematik. Hubungan bunyi itu meliputi vokal, konsonan, pendiftongan dan pemonoftongan. Senarai daftar kata sebanyak 207 yang diteliti itu pula haruslah terdiri daripada kosa kata asas yang mempunyai ketahanan sepanjang masa. Dan akhir sekali, kaedah leksikostatistik ini harus menggunakan hitungan peratus persamaan berkognat bagi menentukan jarak perkaitan antara bahasa. Jadual 2 merupakan panduan mengenal pasti tingkat klasifikasi bahasa.

Jadual 2: Tingkat Klasifikasi Bahasa

Tingkat Bahasa	Peratus Kognat (%)
Subdialek	85-100
Dialek	80-85
Bahasa	75-80
Subkeluarga	60-75
Keluarga	45-60
Rumpun	24-45
Filum austik	15-25
Filum austik	0-15

(Sumber: Diubah suai daripada Smith, 1984:2; Keraf, 1984:35; Asmah Omar, 2008:2 yang dipetik dalam Minah Sintian, 2017:145)

Bersandarkan Jadual 2, penentuan taraf bahasa rumpun Kadazandusun itu dapat diinterpretasikan sebagai bahasa Tombonuo dengan Mangkaak merupakan bahasa yang berbeza tetapi berasal daripada keluarga yang sama. Dalam konteks keluarga, dialek Mangkaak yang dikategorikan dalam keluarga Dusun dan dialek Tombonuo yang dikelompokkan dalam keluarga Paitan masih mempunyai beberapa kata yang berkognat berdasarkan kesepadanan bunyi atau kesamaan fonetik. Namun dalam konteks komunikasi lisan, kedua-dua penutur bahasa tersebut kemungkinan mengalami kesalingfahaman bahasa yang agak rendah kerana klasifikasi bahasa yang berbeza. Hal ini bermaksud, kebanyakan perkataan, sebutan dan makna perkataan dalam kedua-dua bahasa tersebut adalah berbeza.

Kajian bahasa dalam rumpun etnik Kadazandusun sangat bermakna dalam pelestarian bahasa etnik. Senarai kata kedua-dua bahasa tersebut dapat didokumentasi melalui kajian dan penerbitan artikel ini. Hal ini dapat membantu penutur-penutur generasi muda mempelajari bahasanya. Selain itu, senarai perkataan dalam bahasa Tombonuo dan Mangkaak dapat membantu mengayakan kosa kata bahasa Kadazandusun. Kajian Norjieta Taisin dan Tracy Valerian (2020), mengakui bahawa antara masalah yang dihadapi oleh murid yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah di negeri Sabah ialah kekurangan kosa kata dalam dialek Bunduliwan yang digunakan sebagai bahasa piawai dalam subjek tersebut. Dengan adanya kajian ini, kosa kata murid dan guru dapat ditambah dan diperluaskan penggunaannya.

KESIMPULAN

Tombonuo dan Mangkaak sebagai subetnik dalam etnik Kadazandusun mempunyai keunikan bahasa tersendiri dari sudut bunyi, perkataan dan makna. Walau bagaimanapun, kedua-dua bahasa tersebut masih mempunyai persamaan kognat yang meletakkan ke dalam tingkat subkeluarga bahasa yang sama. Kepelbagaian bahasa dalam rumpun bahasa Kadazandusun perlu dihargai dan dijadikan sebagai sumber pengayaan kosa kata dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi. Kajian ini signifikan untuk membuka minda lebih ramai sarjana turun ke lapangan untuk mengkaji bahasa rumpun Kadazandusun dengan lebih mendalam dan terperinci agar bahasa etnik minoriti tidak mengalami kepupusan.

RUJUKAN

- Asmah Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bynon, T. (1994). *Linguistik sejarahawi*. Noor Ein Mohd. Noor (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K., & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Annuar Ayub (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayu Sansalu. (2008). Kadazandusun di Sabah pendidikan dan proses pemodenan 1881-1967. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Sarah Nur Najwa Mohd Nasir. (2020). Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 1-15. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/124>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Buku tahunan perangkaan Sabah 2011*. Sabah: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah.
- Kadazandusun Cultural Association (KDCA) Sabah. (2005). Constitutions. Diperoleh daripada https://kdca.org.my/KDCA_CONSTITUTION_2005.pdf
- Keraf, G. (1984). Linguistik bandingan historis. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Lewis, M.P. (ed.). (2009). *Ethnologue: Language of the world*. 16th ed. Dallas, Texas. SIL International. Diperoleh daripada <http://www.ethnologue.com/>.
- Lobel, W. L. (2013). Southwest Sabah Revisited. *Oceanic linguistics*. 52 (1), 36-68. Manoa: University of Hawaii.
- Metzger, L. (2020). Keragaman bahasa-bahasa Asia: Diversity of Asian Languages. *PENDETA*, 11(2), 1-6. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.fa.1.2020>
- Minah Sintian, & Mohd. Sarifudin Yusop. (2016). Kepelbagaian dialek dalam keluarga Dusunik: Analisis ciri leksikal. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 1-24. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/57>
- Minah Sintian. (2017). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah* (Tesis doktoral yang tidak diterbitkan), Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Minah, S., Norjietta, T., Rosliah, K., & Novi, S.K.I. (2019). Local wisdom in agriculture for environmental sustainability: A case study of the Dusun community. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 6(8), 117-138.
- Mohamad Rozi Kasim (2021). Hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba: satu analisis perbandingan kosa kata dasar. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 41-66. doi:10.37052/jb21(1)no3
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norajihah Muda, & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2021). Leksikostatistik bahasa Che Wong dan bahasa Melayu melalui aspek perbandingan kosa kata. *PENDETA*, 12(2), 11-28. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.2.2021>
- Noriah Mohamed, & Rohani Mohd. Yusof. (2011). *Pengelompokan leksikostatistik bahasa-bahasa peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa topik asas sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Norjietta Taisin, & Tracy Valerian. (2020). Pengaplikasian perisian kosa kata (Boros Maan) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 60-69. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/130>
- Nur Faaizah Md. Adam, & Noor Saadah Salleh. (2021). Leksikostatistik bahasa Kentsiu dan bahasa Kentaq: Analisis perbandingan kosa kata. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(11), 40-57.
- Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2016). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Trudgill, P. (2014). Dialect contact, dialectology and sociolinguistics . Dalam Bolton Kingsley & Kwok, Helen (Eds.). *Sociolinguistics Today* (hlm.71-79). London/ New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Van der Veen, Medjo Mve'. (2010). 207 Item Swadesh List English-Fang of Bitam. Diperoleh daripada www.dd/ish-lyon-cnrs.fr/fulltext/.../4_Swadesh_207_English-Fang.pdf.
- Distance Calculator and Driving Directions*. (2023). Diperoleh daripada https://distancecalculator.globefeed.com/Malaysia_Distance_Calculator.asp